

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4/1 (28)

Tarikh: 15 Oktober 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 / 2010

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN KIRAAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI UTHM

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan Garis Panduan Kiraan Denda Lewat Bekal Untuk Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Di UTHM.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Jumlah tanggungan Universiti setiap tahun adalah melebihi 15% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Punca utama adalah disebabkan oleh kelewatan pembekal membuat penghantaran barang melepasi tarikh yang telah dijanjikan sebagaimana dinyatakan dalam Pesanan Tempatan (LO).
- 2.2 Bagi mengatasi masalah ini dari berterusan dan memastikan pembekal mematuhi tempoh bekalan seperti yang telah dijanjikan, Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2010 yang bersidang pada 24 Ogos 2010 telah bersetuju untuk meluluskan Peraturan Berkaitan Kiraan Denda Lewat Bekal Untuk Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Di UTHM.
- 2.3 Kiraan denda ini dikenakan untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan sahaja. Bagi perolehan kerja, ianya tertakluk kepada kadar denda yang telah dinyatakan dalam kontrak atau mengikut Pekeliling perolehan kerja yang sedang berkuatkuasa.

3.0 KADAR DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Kadar denda yang akan dikenakan untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:-
 - (i) Denda sebanyak 0.15% untuk satu (1) hari lewat bermula dari hari berikutnya selepas tamat tempoh bekal di Pesanan Tempatan (LO). Contoh kiraan denda adalah seperti di **Lampiran 1**.

- (ii) Denda maksima sebanyak 15% sekiranya tempoh bekalan melebihi 100 hari daripada tarikh akhir bekal seperti di Pesanan Tempatan (LO). Contoh kiraan denda adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Denda yang dikenakan akan ditolak terus daripada nilai bayaran yang akan diterima oleh pembekal. Nilai denda berkenaan akan diakaunkan sebagai hasil Universiti.
- 3.3 Denda akan dikenakan untuk perolehan bernilai melebihi RM 500.00 bagi bekalan dan perkhidmatan sekiranya tarikh bekalan / perkhidmatan melepasi tarikh akhir bekal sepertimana yang dinyatakan dalam Pesanan Tempatan (LO).
- 3.4 Surat kelulusan perlanjutan tempoh bekal tidak berdenda hanya boleh dikeluarkan oleh Bendahari dengan syarat:-
 - (i) Peralatan tersebut adalah peralatan yang diimport sahaja; dan
 - (ii) Perlanjutan hanya boleh diberikan sekali sahaja.
- 3.5 Bagi bekalan "ex-stock" atau tempatan, tiada perlanjutan tempoh bekal tidak berdenda yang dibenarkan.
- 3.6 Kiraan denda hanya akan ditamatkan selepas pembekal selesai menghantar sepenuhnya bekalan / perkhidmatan . Sekiranya pembekal hanya menghantar sebahagian bekalan / perkhidmatan atau belum menyelesaikan latihan, denda masih akan dikira sehingga bekalan / perkhidmatan disempurnakan sepenuhnya.
- 3.7 Pihak PTJ dikehendaki mengisi borang **Denda Lewat Bekal Untuk Perolehan Bekalan/Perkhidmatan** seperti di **Lampiran** dan disertakan bersama-sama dengan dokumen pembayaran bagi membolehkan denda diakaunkan.
- 3.8 Staf yang menyediakan LO dan pegawai yang meluluskan LO perlu memastikan tarikh akhir bekalan/perkhidmatan yang dicatatkan dalam LO adalah mengikut tempoh dalam dokumen pembelian terus, sebutharga atau tender, manakala bagi bekalan ex-stock atau tempatan tidak boleh melebihi 30 hari dari tarikh LO.
- 3.9 PTJ adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pejabat Bendahari bagi perolehan barangan import yang tidak dapat dibekalkan melebihi tempoh 100 hari untuk diambil tindakan sewajarnya.
- 3.10 **Bagi perolehan secara pembelian terus iaitu bernilai RM50,000.00 dan ke bawah dan bukan barangan import dimana LO dikeluarkan oleh PTJ, tempoh berdenda maksima yang dibenarkan adalah 30 hari sahaja.** Sekiranya pembekal masih tidak dapat membuat bekalan atau menyempurnakan perkhidmatan LO perlu dibatalkan.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan kadar denda yang digunapakai sebelum ini adalah dengan sendirinya terbatal.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎: Samb. 7050

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Ketua Unit Audit Dalam

**CONTOH KIRAAN DENDA YANG AKAN DILAKSANAKAN DAN YANG TELAH
SEDIA ADA DI UTHM**

- (1) **Contoh 1:** Bagi denda sebanyak 0.15% untuk satu (1) hari lewat bermula keesokkannya selepas tarikh akhir bekal di LO. Contoh kiraan denda adalah seperti di bawah:-

(a)	Jumlah di LO	=	RM 400,000.00
(b)	Tarikh Akhir Bekal	=	31/10/2009
(c)	Bekalan disempurnakan	=	15/12/2009
(d)	Bilangan hari lewat	=	45 hari (1 ½ bulan)
(e)	Peratusan denda	=	45 X 0.15%
		=	6.75%
(f)	Denda	=	RM 400,000.00 X 6.75%
		=	RM 27,000.00

- (2) **Contoh 2:** Bagi denda maksima sebanyak 15% sekiranya tempoh bekalan melebihi 100 hari daripada tarikh akhir bekal seperti di LO. Contoh kiraan denda adalah seperti di bawah:-

(a)	Jumlah di LO	=	RM 400,000.00
(b)	Tarikh Akhir Bekal	=	31/10/2009
(c)	Bekalan disempurnakan	=	1/3/2010
(d)	Bilangan hari lewat	=	120 hari (4 bulan)
(e)	Peratusan denda	=	15 % (Maksima)
(f)	Denda	=	RM 400,000.00 X 15%
		=	RM 60,000.00



BORANG DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN

- 1. Nama syarikat :
- 2. Tajuk Perolehan :
- 3. No. Pesanan Tempatan :
- 4. Jumlah Perolehan (seperti di dalam Pesanan Tempatan) : RM
- 5. Vot Peruntukan :
- 6. Tarikh Akhir Sepatut Bekal :/...../.....
- 7. Tarikh Perlanjutan Bekalan (Jika Ada) :/...../.....
- 8. Bekalan disempurnakan :/...../.....
- 9. Bilangan hari Lewat : hari
- 10. Sebab Lewat :

11. KIRAAN DENDA (* Sila isi yang berkenaan)

*(A) Kiraan Denda pada kadar 0.15% per hari yang terlewat sekiranya hari lewat bekal adalah kurang daripada 100 hari dari tarikh akhir pesanan tempatan.

Nilai Pesanan Tempatan (RM) X Kadar (0.15%) X Bilangan Hari Lewat = Jumlah Denda (RM)

X 0.15% X =

ATAU

*(B) Kiraan Denda pada kadar sebanyak 15% akan dikenakan dari nilai perolehan sekiranya tempoh lewat bekal melebihi 100 hari daripada tarikh akhir bekal seperti di pesanan tempatan.

Nilai Pesanan Tempatan (RM) X Kadar (15%) = Jumlah Denda (RM)

X 15% =

Disediakan Oleh :

Disahkan Oleh :

(Tandatangan PP/PPT & Cop)

(Tandatangan/Cop Pengurus Bahagian)

Tarikh: _____

Tarikh: _____

KEGUNAAN PEJABAT BENDAHARI

Kiraan diatas adalah disahkan benar/ tidak benar . Jumlah denda sebenar yang sepatutnya dikenakan adalah sebanyak : RM.....

Ulasan :

Tandatangan/ Cop : _____

Tarikh : _____